




جابتن حال إحوال اكلام اسلام قولاً و فینع

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG  
LEBUH PANTAI  
10300 PULAU PINANG  
TELEFON : 04-2637200  
FAKSIMILI : 04-2502810  
(<http://jaipp.penang.gov.my>)



Ruj.Kami : JHEAIPP.PK.100-6/1/4( )  
Tarikh : 19 Muharram 1439H  
10 Oktober 2017

Semua Pengerusi,  
Jawatankuasa-jawatankuasa Qaryah Masjid,  
**Negeri Pulau Pinang**

Semua Pengerusi,  
Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan,  
**Negeri Pulau Pinang**

Semua Ketua Agensi Swasta,  
**Negeri Pulau Pinang**

YB. Dato' Seri/YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

### **MAJLIS PERGERAKAN KONTINJEN SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1439H/2017M**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 09 Oktober 2017 telah memutuskan **Pergerakan Kontinjen** akan diadakan **di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada 01 Disember 2017 (Jumaat), jam 7.30 pagi**. Majlis ini akan diisi dengan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Selepas itu, kontinjen akan beredar ke **Dewan Serbaguna, Jawi, Seberang Perai Selatan** untuk **Majlis Perhimpunan Ummah**.
- Sehubungan itu, bagi menjayakan majlis ini, Pengerusi Qaryah Masjid, Pengerusi Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan serta Semua Ketua Agensi Swasta dipohon untuk turut sama mengambil bahagian. Penyertaan kontinjen akan dinilai dan diberikan Anugerah Kontinjen Terbaik. Bersama-sama ini disertakan **Borang Penyertaan serta Syarat-syarat Penyertaan** sebagai makluman YB. Dato' Seri/YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan.
- Pentadbiran ini juga memohon kerjasama YB. Dato' Seri/YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mengembalikan borang penyertaan yang telah diisi seperti di

**Lampiran 'A'** kepada Urusetia Pergerakan Kontinjen di jabatan ini seperti alamat di atas.  
**Tarikh tutup penyertaan adalah sebelum atau pada 15 November 2017 (Rabu).**

4. Untuk makluman, tema Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1439H/2017M adalah "**Al Islam Rahmatun Lil Alamin**"

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan, bolehlah dirujuk kepada pihak urusetia iaitu **Ustaz Khairul Azman bin Azizan (012-4545784) / Ustaz Mohammad Hafiz bin Abdul Wahab (016-4600768) / Ustaz Ajwad bin Abdul Aziz (019-597 5979)** dan Talian Am **04-3102860**.

Sekian, terima kasih.

**" CEKAP, AKAUNTABILITI , TELUS "**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI SAZALI BIN HAJI HUSSEIN)**

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

*Merangkap*

Setiausaha Jawatankuasa Induk

Majlis Sambutan Maulidur Rasul

Peringkat Negeri Pulau Pinang 1439H/2017M

**s.k :**

YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim  
Pengerusi Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
Pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Paras 53, KOMTAR  
**10503 PULAU PINANG**

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Paras 25, KOMTAR  
**10503 PULAU PINANG**